

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pendekatan Bank Grameen yang menjadi asas penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) masih diguna pakai sehingga kini. Apakah pencapaian AIM dan kajian-kajian yang telah dilaksanakan untuk memperbaiki kaedah pengurusan dana serta program-program untuk membantu meningkatkan ekonomi rumahtangga.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa pemerbadanan dan pembangunan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pada asasnya mengambil pendekatan kredit mikro dalam membasmi kemiskinan yang diperkenalkan Bank Grameen di Bangladesh pada tahun 1976. Projek awal untuk menguji kesesuaian Pendekatan Bank Grameen (PBG) ini yang dikenali sebagai Projek Ikhtiar dikendalikan oleh USM dan dibiayai oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Pusat Pembangunan Asia Pasifik (APDC) dan Kerajaan Negeri Selangor.

Projek Ikhtiar tersebut bermatlamat untuk mengurangkan kemiskinan luar bandar dengan menyerahkan hak kredit mikro kepada golongan miskin. Penyaluran kredit mikro ini adalah bagi membiayai apa sahaja usaha bagi meningkatkan pendapatan serta memperkuatkan golongan miskin dengan pengurusan bersama AIM, sebuah pemerbadanan pemegang amanah yang diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] pada 17 September 1987.

Seterusnya, objektif pemerbadanan AIM adalah menyediakan pembiayaan kredit mikro untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang boleh menambah dan meningkatkan pendapatan, melahirkan usahawan daripada kalangan miskin dan berpendapatan rendah serta menyediakan kemudahan kewangan, bimbingan dan latihan berterusan kepada usahawan-usahawan dari keluarga miskin dan berpendapatan rendah.

Dalam hal ini, program Sahabat AIM bertujuan untuk membantu golongan miskin meningkatkan taraf hidup dan sehingga akhir bulan Jun 2020, seramai 377,906 orang telah menyertai AIM. Program Sahabat AIM memberikan pinjaman tanpa cagaran, tanpa penjamin mahupun tindakan undang-undang dalam mendapatkan semula wang pinjaman. Pada masa yang sama, AIM turut menempatkan beberapa orang Pegawai Amanah di

setiap 136 buah cawangan AIM seluruh negara bertujuan untuk mengesan dan mencari isirumah miskin.

Semenjak lebih 30 tahun pemerbadanan AIM, kaedah pengurusan dana serta program-program yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada Surat Ikatan Amanah (SIA) AIM. Bagi memperkuatkannya lagi peranan dan tanggungjawabnya, AIM akan melaksanakan **inisiatif-inisiatif** berikut:

- (i) melaksanakan pindaan SIA AIM;
- (ii) Mesyuarat AIM bersama LHDNM berkaitan subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967;
- (iii) pelantikan juruaudit luar;
- (iv) penstruktur semula pembayaran balik pinjaman Kerajaan;
- (v) memperkasakan Ekosistem AIM melalui pengoperasian 2 koperasi iaitu Koperasi Kakitangan AIM Berhad (KOOP Kakitangan) dan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KOOP Sahabat);
- (vi) penstruktur semula operasi AIM; dan
- (vii) latihan keusahawanan seperti Program Latihan Asas Keusahawanan, Program Pembangunan Perniagaan, Program Khas Berstruktur dan Program Himpunan Usahawan/Karnival Usahawan.

Sekian, terima kasih.